

DATE: 29/5/2008

Mohamad Ezam masuk semula Umno

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menerima kemasukan semula bekas Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat (PKR), Mohamad Ezam Mohd Nor ke dalam Umno, yang ditinggalkannya pada 1999.

Perdana Menteri berkata, kemasukan semula Mohamad Ezam ke dalam Umno diterima tanpa sebarang syarat serta tiada bantahan daripada Majlis Tertinggi (MT) dan Pemuda Umno.

"Dia mahu menyertai semula Umno dan dia akan terus berjuang dalam Umno mengikut matlamat dan tujuan Umno... saya terimalah.

"Tak ada syarat dan tak ada keistimewaan dan dia tak ditawarkan jawatan... dia pun tak minta, dia hanya hendak berkhidmat dan berjuang dalam parti.

"Pada saya, yang masuk Umno akan membantu menguatkan parti mesti ada niat untuk berjuang," katanya pada sidang media selepas Mohamad Ezam mengunjunginya kira-kira setengah jam di Pejabat Perdana Menteri di bangunan Parlimen, semalam.

Pada akhir sidang media itu, Mohamad Ezam menyerahkan borang permohonan sebagai ahli Umno seumur hidup dengan yuran RM100 kepada Abdullah yang kemudian diserahkan kepada Setiausaha Kerja Umno, Brig Jen (B) Datuk Husainay Hashim.

Ditanya mengenai keistimewaan Mohamad Ezam, Abdullah yang juga Presiden parti berkata: "Keistimewaan dia ialah dia dah keluar, duduk bawah parti lain dan pemimpin lain... dia berasa Umno lebih baik, itu yang istimewanya".

Ditanya sama ada kemasukan Mohamad Ezam memberikan semangat baru kepada Umno, katanya, kemasukan orang menyertai Umno tentu membantu kepada kekuatan parti.

"Jika tidak, buat apa nak masuk Umno, tentulah ada niat untuk berjuang sama-sama dalam



BERI PELUANG: Abdullah dan Mohamad Ezam (duduk kiri) bersama ahli Umno lain ketika sidang media selepas menyerahkan borang keahlian Umno di Parlimen, semalam.

Umno. Umno adalah parti politik bukan sebuah syarikat, jika syarikat nak untung," katanya.

Ditanya sama ada Mohamad Ezam akan memberi sumbangan berbeza berbanding jika anggota biasa menyertai Umno memandangkan beliau sebelum ini memegang jawatan kanan dalam PKR, Abdullah berkata: "Tengoklah nanti apa akan berlaku."

Mengenai imej Ezam yang dikatakan dibayangi Datuk Seri Anwar Ibrahim, Abdullah berkata, Ezam ikhlas mahu kembali dan kemasukannya itu mungkin boleh memberi ruang kepada orang lain menyokong Umno.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kemasukan semula Mohamad Ezam menunjukkan keyakinan bahawa Umno adalah wadah perjuangan yang sepatutnya disokong, sekali gus membuktikan beliau sudah hilang kepercayaan dengan PKR.

"Kita mesti faham bahawa sebagai sebuah parti, kita perlu membuka pintu bagi menerima mereka yang kini menyokong kita. Jika kita bersikap memilih orang tertentu dan tidak mahu orang lain masuk, bererti

"Tak ada syarat dan tak ada keistimewaan dan dia tak ditawarkan jawatan... dia pun tak minta, dia hanya hendak berkhidmat dan berjuang dalam parti"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

kita akan hilang banyak pihak yang sebenarnya ingin menyokong kita.

"Walaupun dalam kes Mohamad Ezam ini, dia menentang kita dulu, dalam sejarah perjuangan Umno kita terima banyak pihak yang dulu menentang kita, tetapi kemudian sudah insaf untuk sokong parti kita semula.

"Mohamad Ezam tahu banyak perkara, maknanya dia tahu (apa yang berlaku) ketika dia dalam PKR dan boleh terangkan kenapa dia tidak yakin lagi dengan perjuangan PKR," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan Awam di Parlimen.

Najib, yang juga Timbalan Presiden Umno, mengakui tidak semua anggota parti akan menyokong penerimaan semula Mohamad Ezam menyertai Umno, tetapi adalah memadai jika majoriti berpendapat ia satu tindakan yang baik.